

U B659 DEB
MAHATHIR - MERAHDUA
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 8 MALAM INI)

=====

KUALA LUMPUR, 12 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI KEUTAMAAN DAN PERUNTUKAN TERBESAR KEPADA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SEHINGGA TARAF HIDUP PENDUDUKNYA TIDAK JAUH BERBEZA DENGAN PENDUDUK BANDAR.

SEJAK NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN 30 TAHUN YANG LEPAS, KERAJAAN MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR. DALAM SETIAP RANCANGAN LIMA TAHUN, PERUNTUKAN BAGI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR MERUPAKAN PERUNTUKAN YANG TERBESAR, KATA BELIAU.

KERAJAAN BERHASRAT MEWUJUDKAN MASYARAKAT LUAR BANDAR YANG MEMBANGUNAN SECARA SEIMBANG DAN MEMPERKUKUHKAN NILAI-NILAI MURNI YANG DIWARISI DI SAMPING GIGIH BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN SANGGUP BERDIKARI, KATA PERDANA MENTERI.

+KITA PERLU MENGHAPUSKAN PENGENALAN LUAR BANDAR DENGAN ISITILAH-ISTILAH SEPERTI KEMUNDURAN DAN KEMISKINAN,+ KATA BELIAU DALAM PERUTUSANNYA SEMENA PELANCARAN BUKU PANDUAN PEMBANGUNAN DAERAH ATAU +BUKU MERAHDUA.+

BUKU ITU YANG DILANCARKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK ABDUL GHAPAR BABA DI BATU PAHAT, JOHOR, ESOK, MENGGARISI MATLAMAT-MATLAMAT PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SERTA MENGANDUNGI STRATEGI-STRATEGI BAGI MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT. -- LAGI.
1401MST 12 08 87

U B660 DEB
MAHATHIR - MERAHDUA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SAMBIL MENYAMBUK BAIK PELANCARAN BUKU ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BUKU ITU MENEKANKAN PERLUNYA MAKLUMAT YANG LENGKAP DAN TEPAT DI PERINGKAT DAERAH BAGI MENENTUKAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAERAH TERATUR DAN BAGI MENGENALPASTI PROJEK-PROJEK YANG MEMENUHI KEHENDAK MASA DAN KEPERLUAN PENDUDUK SETEMPAT.

SEJAJAR DENGAN ITU, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PENTADBIRAN KERAJAAN DI PERINGKAT DAERAH MERUPAKAN BARISAN HADAPAN JENTERA PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN KERAJAAN.

OLEH ITU PARA PEGAWAI KERAJAAN DI PERINGKAT DAERAH BUKAN SAHAJA PERLU BERKHIDMAT SECARA BERSEPADU TETAPI HENDAKLAH MEMPUYAI KOMITMEN UNTUK MELAKSANAKAN HASRAT DAN CITA-CITA KERAJAAN DENGAN PENUH KEGIGIHAN DAN KEJUJURAN UNTUK MEMBAWA KESEJAHTERAAN KEPADA RAKYAT.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA ARAH PEMBANGUNAN YANG DICITA-CITAKAN ITU MEMERLUKAN KERJASAMA SEMUA PIHAK, KERAJAAN, PIHAK SWASTA DAN RAKYAT.

+KITA PERLU MENGORBANKAN KESENYAMANAN DAN KEMEWAHAN JANGKA PENDEK UNTUK KEBAHAGIAN MASA DEPAN,+ KATA BELIAU. -- LAGI.
1405MST 12 08 87

U B661 DEB
MAHATHIR - MERAHDUA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DENGAN PENGORBANAN BEGINI SAJALAH TAHAP PEMBANGUNAN YANG DICAPAI SEJAK TAHUN-TAHUN 60-AN DAPAT DIWARISI DAN DIPERTINGKATKAN OLEH GENERASI AKAN DATANG, TAMBAH BELIAU.

UNTUK MENCAPAI HASRAT PEMBANGUNAN SEPERTI INI, BELIAU BERKATA SEMUA PIHAK PERLU MENGGEMBLENG SEGALA TENAGA DAN SUMBER DAN MENGGUNAKAN DENGAN LEBIH TERATUR, CEKAP DAN PRODUKTIF.

DENGAN ITU SAHAJA HASIL DAN MUTU PENGELUARAN DAPAT DIPERTINGKATKAN, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA SELARAS DENGAN ITU USAHA PENYELIDIKAN, LATIHAN DAN PENGEMBANGAN PERLU TERUS DIBERI PENEKANAN UNTUK MEMBAWA MANFAAT PEMBANGUNAN YANG LEBIH MELUAS.

+KESEMUA INI TIDAK DAPAT KITA LAKUKAN DENGAN SEMPURNA SEKIRANYA KITA TIDAK MEMPUYAI DATA ATAU MAKLUMAT YANG LENGKAP DAN TEPAT,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1406MST 12 08 87